

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu pindaan Perlembagaan akan dibuat bagi mengelak kekeliruan tentang bidang kuasa antara Yang di-Pertuan Agong dan tiga cabang Kerajaan iaitu Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman khususnya dalam persoalan pelantikan dan penggantian Ketua Eksekutif.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Tiga cabang Kerajaan iaitu Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman merupakan elemen utama dalam konsep pemisahan atau pengasingan kuasa yang menjadi sebahagian daripada struktur asas Perlembagaan Persekutuan. Konsep pemisahan atau pengasingan kuasa merupakan suatu doktrin yang mengesyorkan pengasingan kuasa antara badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan sekiranya kuasa itu dipegang oleh suatu badan sahaja. Di Malaysia, doktrin ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Kok Wah Kuan [2008] 1 MLJ 1*.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan secara nyata mengenai konsep pengasingan kuasa antara badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman, namun pengasingan kuasa antara ketiga-tiga badan ini dinyatakan secara tersirat dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya dalam Bahagian IV iaitu Bab 3 bagi Badan Eksekutif dan Bab 4 bagi Badan Perundangan Persekutuan dan Bahagian IX bagi Badan Kehakiman.

Berhubung dengan badan eksekutif, Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa eksekutif hendaklah terletak hak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh, melalui undang-undang, memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain. Kedudukan mengenai kuasa eksekutif ini telah disahkan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes ***Kerajaan Malaysia v. Shimizu Corp & Ors [2018] MLJU 169.***

Berhubung dengan badan perundangan pula, Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa perundangan Persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen yang hendaklah terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan, kuasa Parlimen adalah untuk menggubal undang-undang. Secara konsepnya, Parlimen Malaysia adalah bebas dan berasingan daripada badan eksekutif dan juga badan kehakiman.

Kuasa Kehakiman pula telah diperuntukkan dalam Bahagian IX Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan, kuasa kehakiman Persekutuan diperuntukkan kepada dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya iaitu Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, dan mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Selain daripada yang diperuntukkan dalam Bahagian IX Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa bagi mahkamah-mahkamah tersebut turut diperuntukkan di bawah undang-undang Persekutuan antaranya Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91]. Kuasa mahkamah secara umumnya adalah untuk mentafsirkan undang-undang serta mendengar dan mengadili sesuatu pertikaian.

Setiap organ ini mempunyai kuasa eksklusif yang berbeza antara satu sama lain dan setiap daripadanya dilindungi daripada pencerobohan (encroachment) kuasa oleh yang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes ***Maria Chin Abdullah v. Ketua Pengarah Imigresen & Anor [2021] 2 CLJ 579.***

Selain itu, sungguhpun Parlimen telah diperuntukkan kuasa perundangan, kuasa tersebut boleh diberikan oleh Parlimen kepada badan eksekutif apabila sesuatu perundangan memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat perundangan subsidiari atau ketika waktu darurat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (2B) dan (2C) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa yang luas kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat ordinar darurat.

Berhubung dengan persoalan sama ada satu pindaan Perlembagaan akan dibuat bagi mengelak kekeliruan tentang bidang kuasa antara Yang di-Pertuan Agong dan tiga cabang Kerajaan iaitu Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman khususnya dalam persoalan pelantikan dan penggantian Ketua Eksekutif, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan dengan jelas mengenai bidang kuasa antara ketiga-tiga cabang Kerajaan tersebut

Sekian, terima kasih.